

Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

Komputer bunyi pelik

ADAKALA komputer saya ketika but, berbunyi secara pelik atau tidak seperti biasa. Adakah ini menunjukkan sesuatu petanda kepada komputer tersebut?

- Najib, Pantai Hiburan.

Terima kasih. Ya, betul. Sesuatu bunyi yang terhasil ketika sesebuah komputer but, kebiasaannya ada menunjukkan sesuatu petanda berkenaan dengan keadaan sesebuah komputer. Bunyi ini dikenali sebagai *Beep*.

Pada awal tahun 1980, syarikat IBM menghasilkan komputer peribadi pertama, komputer IBM 8086 menggunakan bunyi *Beep* ini untuk menunjukkan status keadaan bagi sesebuah komputer tersebut. Jadi, kebanyakkan pengeluaran papan utama sejak daripada tahun itu, telah menggunakan teknik bunyi *Beep* yang pelbagai untuk menunjukkan keadaan biasa atau terdapat kesilapan.

Asal sistem BIOS IBM dibangunkan oleh syarikat Phoenix. Syarikat berkenaan juga telah membangunkan mesej amaran lanjutan melalui bunyi *Beep* yang berbeza. Syarikat AMI adalah satu lagi syarikat terlibat dalam komputer peribadi yang dihasilkan oleh pihak IBM. Produk hasil daripada kedua-dua pihak, syarikat Phoenix dan AMI digunakan secara meluas dalam papan utama bagi sesebuah komputer pada hari ini.

Kebiasaannya, bunyi *Beep* pendek tunggal dalam kebanyakkan papan utama menunjukkan but normal untuk sistem BIOS Phoenix dan beberapa jenis sistem BIOS AMI. Namun begitu, terdapat beberapa sistem BIOS AMI tidak berbunyi sama sekali, jika ada kesilapan dikesan dalam sesebuah komputer.

Seterusnya, dalam jadual berikut, disenaraikan beberapa keadaan bunyi *Beep* yang menunjukkan sesuatu masalah berlaku pada sesebuah komputer.

Bunyi Beep	Masalah
1 bunyi pendek dan 1 bunyi panjang	Masalah memori
2 bunyi pendek dan 1 bunyi panjang	Tidak dapat kenal pasti video atau kad video
3 bunyi pendek dan 1 bunyi panjang	Konfigurasi CPU tidak betul atau tidak serasi
1 bunyi sangat pendek	Pemacu CD atau papan utama bermasalah

Kod bunyi *Beep* ini boleh berbeza-beza bergantung kepada versi dan jenis sistem BIOS yang digunakan dalam sesebuah komputer. Sekiranya ada masalah bunyi *Beep* ini yang tidak diketahui, boleh dirujuk kepada pihak pengeluar papan utama atau komputer yang digunakan.